

Kaji dulu syor naikkan umur persaraan - PM

Cadangan itu wajar diberi perhatian namun perlu kajian secara menyeluruh

KUALA LUMPUR

Cadangan untuk menaikkan umur persaraan wajib daripada 60 kepada 65 tahun wajar diberi perhatian

dan pertimbangan namun memerlukan kajian secara menyeluruh terlebih dahulu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebelum sebarang keputusan dibuat, cadangan itu perlu dibincang terlebih dahulu di peringkat kementerian dan seterusnya dibentang kepada Jemaah Menteri.

"Kita belum bawa ke Kabinet. Biar mereka kaji implikasinya, kewangan, peluang pekerjaan baharu dan sebagainya," katanya selepas melancarkan Majlis Hadiah Bahasa Public Bank - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini



Anwar (dua dari kanan) ketika melancarkan Hadiah Bahasa Public Bank - Dewan Bahasa Dan Pustaka di Kuala Lumpur pada Khamis.

pada Khamis lapor *Bernama*.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said mencadangkan agar kerajaan mempertimbang untuk menaikkan umur persaraan wajib daripada 60 kepada 65 tahun.

Azalina yang menyuarakan pandangan peribadi berhubung perkara itu berkata, adalah satu kerugian apabila individu diwajibkan bersara pada usia 60 tahun sedangkan mereka masih ber tenaga dan produktif serta berupaya menyumbang kepada tenaga kerja.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Mohd Nordin berkata, bekerja sehingga umur 65 tahun mungkin memberi tekanan dari segi mental dan fizikal selain mengganggu perancangan ke-

hidupan peribadi.

Menurutnya, dalam masa sama ada penjawat awam yang mungkin berdepan masalah kesihatan mem-bimbangkan jika bekerja sehingga umur lebih tua.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan dan Swasta (Pejasma), Datuk Azih Muda pula berpendapat, cadangan untuk mengkaji semula had umur persaraan wajib kepada 65 tahun adalah langkah wajar memandangkan jangka hayat rakyat Malaysia yang semakin meningkat.

Menurutnya, ia membolehkan individu yang masih sihat dan produktif terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Di Malaysia, persaraan wajib bagi penjawat awam ketika ini ditetapkan pada usia 60 tahun yang juga adalah usia persaraan minimum bagi pekerja sektor swasta di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012.